

Tajuk : UNIMAS sediakan bas

Metro Ahad

Unimas sediakan bas

BANYAK amaran dikeluarkan kepada pemilik kereta sewa tidak berdaftar yang memancing pelanggan di beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) di sekitar bandar raya ini, namun demi keuntungan, kegiatan itu diteruskan sehingga kini.

Ketua Penolong Pendaftar Unit Komunikasi Korporat Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Emilia Tambi berkata, pihaknya memandangkan serius aktiviti kereta sewa haram yang diusahakan sebilangan pelajar dan kakitangan mereka sendiri.

"Bagi pemilik kenderaan, ini mungkin kaedah terbaik meraih keuntungan, namun universiti tidak mengiktiraf dan membenarkan perniagaan seperti itu kerana ia menyalahi undang-undang serta membabitkan soal keselamatan pelajar.

"Dengan menggunakan perkhidmatan kereta sewa tidak berdaftar, pengguna tidak dilindungi insurans dan perlu menanggung risiko jika berlaku kemalangan," katanya ketika dihubungi Metro Ahad.

Katanya, universiti sentiasa memantau aktiviti itu, termasuk memberi amaran kepada pemilik kereta sewa dan mengarahkan mereka menanggalkan iklan yang ditampal di papan notis dalam kawasan Unimas.

"Kami tidak mahu kegiatan mereka menjejaskan na-

"Pelajar diminta tidak menggunakan khidmat yang ditawarkan kerana selagi ada permintaan, perniagaan haram itu akan berterusan"

>Emilia Tambi
Ketua Penolong Pendaftar Unit Komunikasi Korporat Universiti Malaysia Sarawak (Unimas)

ma Unimas kerana ibu bapa atau masyarakat luar tidak akan menyalahkan pemilik kereta, sebaliknya terus menuding jari kepada penguurusan universiti jika berlaku kemalangan.

"Kami masih bertolak ansur dengan memberi amaran, tetapi jika mereka masih berdegil, tindakan tegas bakal dikenakan.

"Selain itu, pelajar diminta tidak menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan kerana, selagi ada permintaan, perniagaan haram itu akan berterusan," katanya.

Katanya, setiap minggu universiti menyediakan perkhidmatan bas untuk ke Kuching dan berhenti di be-

berapa lokasi yang sering dikunjungi pelajar, termasuk pusat beli-belah, manakala perkhidmatan bas dari kampus ke pusat perniagaan di Desa Ilmu, Kota Samarahan turut disediakan setiap hari.

Malah, katanya, bagi setiap cuti semester, perkhidmatan bas turut disediakan untuk menghantar pelajar ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK) dan Terminal Bas Batu 3.

"Perkhidmatan pengangkutan untuk pelajar disediakan dan mereka perlu bijak memilih yang terbaik untuk mereka. Jika terdesak untuk menggunakan kereta sewa, carilah syarikat berdaftar kerana lebih selamat," katanya.

Sementara itu, jurucakap bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Samarahan berkata, pihaknya menjalankan operasi besar-besaran tahun lalu dengan mengarahkan pemilik kereta sewa tanpa lesen menghentikan perniagaan.

"Setakat hari ini, kami belum menerima aduan daripada pelajar mengenai kegiatan haram ini dan jika mereka tertangkap, tindakan akan dikenakan.

"Kami memandangkan serius masalah ini kerana ia membabitkan keselamatan pelajar ketika menggunakan perkhidmatan kereta sewa haram yang disewa daripada pemilik dengan harga murah," katanya.